

**CEO Baharu Matrade: Keutamaan Pastikan Pertumbuhan Eksport
Bernama
24 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Ketua Pegawai Eksekutif baharu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Dr Wong Lai Sum, berkata keutamaan beliau ialah untuk memastikan pertumbuhan eksport negara.

"Yang penting ialah memastikan syarikat-syarikat Malaysia mesti berupaya untuk mengeksport barangan mereka," katanya pada sidang media pertamanya di sini hari Rabu.

Wong mengambil alih jawatan itu pada 20 Ogos 2011, menggantikan Datuk Noharuddin Nordin yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Wong berkata Matrade cuba merealisasikan sasaran pertumbuhan eksport 10.6 peratus dalam Rancangan Malaysia ke-10.

"Kami berusaha mencapai sasaran itu. Ia (eksport) masih berkembang. Pertumbuhan memang ada namun kemungkinan angkanya tidak tinggi seperti yang dijangkakan," katanya.

Wong berkata ekonomi US dan Eropah sedikit terjejas namun Malaysia turut berdagang dengan negara lain seperti Jepun.

"Kita boleh mengimbangnya dengan eksport ke negara lain. Dalam tempoh enam bulan pertama, eksport ke Jepun meningkat 17.5 peratus. Strategi kami meliputi penekanan ke atas pasaran yang pesat berkembang seperti China. Kami juga mengenal pasti Korea Selatan dan Taiwan," katanya.

Mengenai keutamaan jangka panjangnya, Wong berkata antaranya ialah mengenal pasti kaedah dan peluang eksport.

"Sebagai contoh, pengeksport sebelum ini tidak pernah memikirkan untuk mengeksport melalui Miami. Mereka hanya mengetahui New York dan Washington. Terdapat ramai pembeli antarabangsa di Miami.

"Anda mesti mengenal pasti peluang lain. Keutamaan jangka panjang saya ialah mengenal pasti peluang itu," katanya.

Wong berkata syarikat-syarikat Malaysia kini mengenal pasti Afrika Selatan dan negara lain termasuk Ghana dan Algeria.

Beliau berkata Matrade akan menjalankan lebih banyak aktiviti promosi di Afrika.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=610217>